

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**KAJIAN SENIBENA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir ini yang  
disediakan oleh:

**Abd. Latiff b. Mohamed Nor**

**Na Azaha Mat**

bertajuk : **Kajian Pembaharuan Semula Pasar**

**Kes Kajian : Pasar Besar Taiping**

dibawah penyeliaan saya diterima sebagai memenuhi  
sebahagian dari syarat untuk penganugerahan

**Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah**

Diluluskan :

-----	-----	-----
(Pengerusi Panel Penilai)	(Tandatangan)	(Tarikh)
-----	-----	-----
(Penyelia)	(Tandatangan)	(Tarikh)

**KAJIAN PEMBAHARUAN SEMULA PASAR.  
KES KAJIAN : PASAR BESAR TAIPING 202  
TAIPING, PERAK**

**oleh  
ABD. LATIFF B. MOHAMED NOR  
NA AZAHA MAT**

**Kajian akhir ini disediakan untuk memenuhi  
sebahagian dari syarat untuk penganugerahan  
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah**

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH  
KAJIAN SENIBENA, PERANCANGAN DAN UKUR  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM**

**Mei 1989**

## PENGHARGAAN

Sebagai insan yang sentiasa mengharapkan pertolongan untuk membentuk masa depan yang berjaya, kami ingin merakam ribuan terimakasih kepada semua pihak yang telah membantu kami menyiapkan kajian ini.

Kami ingin mengucapkan terimakasih kepada mereka yang disebutkan dibawah yang mana telah menolong kami menyiapkan kajian ini.

Cik Norsiah Din.

Pembantu Teknik Perancang Bandar,

Majlis Perbandaran Taiping.

Tuan Haji Mustapa Kamal Bin Mohd Ali.

Jurutera Bangunan,

Majlis Perbandaran Taiping.

Ir. Shahrir Ahmad

Jurutera,

Majlis Perbandaran Taiping.

Encik Lim Swee Bing dan Encik Abbas.

Juruteknik Bangunan dan Perancangan,

Majlis Perbandaran Taiping.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat ataupun orang persorangan yang tidak kami sebutkan bagi menjayakan kajian Pembaharuan Semula Pasar besar Taiping ini.

Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada penyelia kami iaitu En. Mat Zain b. Mat Hassan yang telah banyak memberi teguran serta pandangan yang membina kepada kami untuk menyediakan satu kajian yang lengkap. Disamping itu, Kami mengucapkan terimakasih kepada penyelia lama kami iaitu Puan Salehaton Hussain Sazzally yang memberi beberapa garis panduan yang penting pada peringkat awal permulaan kajian ini.

Akhir kata, kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pelajar Diploma Perancangan Bandar yang sama-sama memberi pendapat didalam kajian ini.

Sekian Terima Kasih, Wassalam

Dari Kami:

Abd Latiff b. Mohamed Nor

Na Azaha Mat

## 1.0 PENDEKATAN KAJIAN

### 1.1 PENGENALAN

Pasar dikenali sebagai tempat perhimpunan di antara penjual dan pembeli di satu kawasan pertembungan yang biasa untuk tujuan menjalankan perniagaan.<sup>1</sup> Manusia sejak dari zaman dahulu lagi memerlukan tempat membeli-belah, maka tidak hairanlah hingga ke hari ini corak tersebut masih lagi diikuti walaupun dalam masyarakat yang berlainan. Jadi pasar adalah salah satu dari tempat untuk membeli barang-barang keperluan, dimana perkhidmatannya dijalankan dengan cara pertukaran barangan dan wang.

Definisi pasar seperti yang diberikan oleh Ensiklopedia Perancangan ialah "Kawasan pasar merupakan satu kawasan terbuka yang terdapat di tengah-tengah perkampungan atau perbandaran dimana barang-barang dikumpulkan dan dijual".<sup>2</sup> Keperluan dan permintaan ini mewujudkan kawasan perkampungan dan bandar.

---

1. SCOLT P, *Geography And Retailing*  
1970, Hutchinson, London, muka surat 127.

2. ARNOLD WHITTICH, *Encyclopedia Of Urban Planning*, 1980